

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS**  
**TANGAU**  
**KAWASAN : TUARAN**  
**TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 36**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah dan panjang pelbagai kategori jalan raya di Sabah yang belum berturap dan kenapa jalan-jalan berturap begitu cepat rosak sehingga berlubang-lubang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Di-Pertua, terdapat **3 kategori jalan** yang terdapat di negeri Sabah iaitu **Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan Jalan Majlis**. Berdasarkan maklumat terkini, **tiada jalan persekutuan yang belum diturap**. Jumlah panjang keseluruhan Jalan Persekutuan di Negeri Sabah adalah **1,428.290 KM**. Hasil pemeriksaan oleh JKR Sabah, keadaan Jalan Persekutuan yang berada pada tahap **skala 4 adalah sepanjang 306.916 km (21.49%)** manakala **skala 5 pula adalah sepanjang 306.686 km (21.47%)**. Jalan yang merekodkan bacaan skala 4 dan 5 ini kebanyakannya telah berusia **lebih 10 tahun**. Kerosakan jalan raya ini memerlukan skala pembaikan yang lebih besar dan rumit berbanding menurap semula permukaan jalan raya. Pembaikan bagi jalan raya dalam kategori ini biasanya melibatkan **kerja pembaikan setempat (*localised repair*)** dan **pembaikan menyeluruh (*rehabilitation*)** serta **membina semula (*reconstruction*)**, yang mana pembaikan adalah melibatkan keseluruhan permukaan lapisan premix serta **struktur jalan raya (*roadbase, sub-base atau sub-grade*)**.

Tuan Yang Di-Pertua,

Faktor lain yang telah menyumbang kepada kerosakan jalan ini adalah **disebabkan oleh kenderaan lebih muatan yang tidak terkawal dan menyebabkan jangka hayat jalan raya berkurang dengan drastik**. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya (KKR) akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain bagi meningkatkan penguatkuasaan terhadap kenderaan berat yang melebihi muatan agar infrastruktur jalan raya yang dibina mencapai jangka hayat jalan raya yang direkabentuk. Penguatkuasaan bagi mengekang/menghadkan dan mengurangkan bilangan kenderaan berat berat yang membawa muatan melebihi had dibenarkan akan memberi faedah kepada majoriti pengguna jalan raya yang akan menikmati kemudahan

**NO SOALAN : 36**

infrastruktur jalan raya yang lebih baik dalam tempoh yang lebih lama.

Sekian, terima kasih.